

DBKL sediakan rumah transit

Lima keluarga terjejas dibenarkan diami rumah itu antara enam bulan hingga tiga tahun

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
dan **NORMAWATI ADNAN**
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan rumah transit bagi menempatkan lima keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Flat Sri Sabah, Cheras pada Ahad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, rumah transit di Flat Sri Johor, Cheras itu boleh diduduki mulai

Khamis ini.

Menurutnya, mangsa dibenarkan mendiami rumah transit itu antara enam bulan hingga tiga tahun.

"Kita benarkan sehingga enam bulan bagi mangsa yang memiliki rumah sendiri sementara penyewa pula sehingga tiga tahun.

"DBKL juga akan mengambil tanggungjawab membaiki kerosakan di luar rumah manakala bahagian dalam rumah pula di atas tanggungjawab pembeli sendiri," katanya pada Selasa.

Beliau ditemui ketika melawat mangsa kebakaran yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah

Kebangsaan (SK) Sri Cheras.

Dr Zaliha berkata, setiap keluarga terjejas menerima wang tunai disumbangkan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sebanyak RM5,000, DBKL (RM1,000), pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak (RM1,000) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300.

Ujarnya, bantuan telah disalurkan sejak Isnin merangkumi keperluan harian antaranya peralatan mandian dan tuala wanita serta periuk nasi.

Tambahnya, JWP bersedia bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi meningkatkan aspek penyelenggaraan sistem penggera kebakaran dan keselamatan di perumahan awam DBKL.

"Pemeriksaan perlu dilakukan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

"Suka juga saya ingatkan kepada penduduk dan orang

awam supaya sama-sama menjaga harta awam.

"Kita bimbang pada waktu kecemasan, alat pemadam api tidak boleh digunakan kerana rosak yang mungkin disebabkan vandalisme," katanya.

Sementara itu di **IPOH**, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming telah mengarahkan JBPM untuk melakukan pemeriksaan dan ujian keberkesanan pili bomba bagi memastikan kemudahan itu berfungsi dengan baik sekiranya berlaku kebakaran.

Menurutnya, pemeriksaan itu penting untuk mengelak risiko kebakaran lebih tinggi terutama pada musim panas yang melanda negara ketika ini.

Ujarnya, pada masa ini, terdapat 410,000 pili bomba di seluruh negara membabitkan 351,000 pili kerajaan dan 65,000 lagi milik swasta.

"Saya telah mengeluarkan arahan kepada Ketua Pengarah JBPM, Datuk-Nor Hisham Mohammad hari ini (Selasa) supaya semua 337 balai bomba melakukan operasi besar-besaran.

"Memang sebelum ini balai ada jalankan pemeriksaan mengikut rutin dan berjadual, cuma usaha ini akan diperhebatkan lagi untuk pastikan pili bomba berfungsi ketika waktu kecemasan," katanya kepada pemberita ketika melakukan lawatan kerja ke Pasar Pasir Puteh di sini.



Dr Zaliha
(tengah) ketika membuat lawatan ke Flat Sri Sabah, Cheras pada Selasa.



**KEBAKARAN
FLAT SRI SABAH**



Laporan **Sinar Harian** pada Selasa.